

TEKS UCAPAN  
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDDIN HUSSIN,  
NAIB CANSELOR UniMAP  
SEMPENA MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN HOKI JEMPUTAN  
PIALA NAIB CANSELOR UniMAP 2010  
PADA 25 MEI 2010  
DI ASTRO TURF KOMPLEKS SUKAN

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia En. Suhizan Mansor, Setiausaha Kehormat  
Persatuan Hoki Negeri Perlis

Yang Berbahagia En. Nor Zaidi B. Hamad, Wakil Pengarah  
Majlis Sukan Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaakob, Timbalan Naib  
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Yang Berusaha, Prof. Madya Dr. Zulkali Mohamed Daud  
Penasihat Persatuan Hoki UniMAP

Pengetua-Pengetua Sekolah dan Ahli-Ahli Jawatankuasa  
Persatuan Hoki Negeri Perlis

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kejohanan Hoki Jemputan Piala Naib  
Canselor UniMAP 2010

Seterusnya Pemain-Pemain dan hadirin dan hadirat yang  
dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur  
kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan  
limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada  
petang ini dalam Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Hoki  
Piala Naib Canselor UniMAP bagi tahun 2010 ini. Marilah kita  
bersama-sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala  
memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua  
daripada apa juar kesulitan dan kekurangan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menguntumkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kejayaan penganjuran Kejohanan Hoki Piala Naib Canselor UniMAP pada tahun ini.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Sukan Negeri Perlis kerana menyediakan kemudahan padang hoki ini bagi menjayakan kejohanan ini.

Untuk pengetahuan semua, Kejohanan Hoki Piala Naib Canselor ini merupakan penganjuran edisi ke-2 oleh pihak UniMAP. Alhamdulillah, pada tahun ini kita berjaya meningkatkan penyertaan kepada lapan pasukan berbanding hanya enam pasukan pada tahun lepas.

Peningkatan ini secara tidak langsung menunjukkan kejohanan ini mula mendapat perhatian dan berjaya menarik minat pasukan-pasukan hoki dari luar negeri Perlis untuk sama-sama menyertai kejohanan ini.

Adalah menjadi harapan saya, untuk melihat penganjuran kejohanan ini dapat menarik lebih banyak lagi pasukan pada tahun hadapan dan seterusnya menjadikan kejohanan ini

sebagai kejohanan yang berprestij setanding dengan kejohanan-kejohanan Hoki di peringkat kebangsaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kejohanan ini merupakan medan untuk anda mempamerkan kebolehan dan potensi diri dalam sukan hoki. Mana tahu, bermula dari kejohanan ini anda mungkin bergelar atlet negara.

Sememangnya ia merupakan peranan UniMAP bagi membantu usaha kerajaan membangunkan Sukan Hoki di Negeri Perlis agar sukan ini tidak putus-putus melahirkan jaguh yang terus disegani peringkat antarabangsa.

Kita patut berbangga kerana Negeri Perlis pernah melahirkan seorang Permain Remaja Terbaik Dunia iaitu Tengku Ahmad Tajudin yang telah dianugerahkan semasa Kejohanan Hoki Remaja Dunia di Poland.

Beliau sekarang ini menjadi permain utama skuad hoki negara hari ini. Malah dua orang permain hoki UniMAP seperti Azroy Bin Azeman dan Mohd Yusri Yusob Kebkamen turut pernah terpilih mewakili skuad hoki remaja Malaysia.

Ini menunjukkan pemain-pemain hoki di negeri Perlis mempunyai potensi tinggi untuk mewakili negara. Justeru, program pembangunan yang dinamik serta kejohanan-kejohanan seperti ini perlu diperbanyakkan bagi melahirkan lebih ramai atlet-atlet kebangsaan yang berasal dari negeri Perlis.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan dikalungkan kepada semua pasukan yang bertanding. Tahniah pada pasukan yang berjaya, dan pada yang tidak berjaya, teruskan usaha memperbaiki diri dan cuba lagi pada tahun hadapan.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi pada jawatankuasa serta pihak-pihak yang telah membantu dalam menjayakan kejohanan ini secara langsung maupun tidak langsung. Sesungguhnya, apa yang lebih penting ialah mengambil bahagian, mengutamakan semangat kesukaran, dan matlamat bersukan itu sendiri selain mencari kesihatan fizikal dan kesejahteraan diri individu!

Izinkan saya mengakhiri ucapan pada petang ini dengan serangkap pantun :

**Kalah Dan Menang adat diterima  
Usah bersedih usah bersugul  
Sukan membina keperibadian mulia  
Teras membentuk jati diri unggul**

Dengan lafaz bismillahi rahmani rahim, saya merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Hoki Jemputan Piala Naib Canselor UniMAP 2009.

Majulah Sukan Untuk Negara!!!

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu.